

27 AUG 1996

DR MAHATHIR MENAMATKAN LAWATAN KERJA EMPAT HARI KE CHINA

Oleh: Zainoor Sulaiman

BEIJING, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair selepas menamatkan lawatan kerja empat hari ke China bagi memperkukuhkan lagi kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara.

Turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing untuk menghantar pulang beliau dan rombongan ialah Naib Menteri, Suruhanjaya Perancangan Negara, Zeng Peiyan, Duta Malaysia ke China, Amir Jaafar dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Luar China dan Kedutaan Malaysia.

Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya, Li Peng dan juga mengunjungi Presiden China, Jiang Zemin.

Acara utama lawatan beliau ialah menyampaikan ucapan dasar di dialog "Perkongsian Malaysia-China: Dialog Beijing" yang dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Penceramah-penceramah lain dari Malaysia di dialog itu ialah Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn.

Semasa berada di situ Dr Mahathir juga menyaksikan majlis menandatangani 15 perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) antara ahli-ahli perniagaan Malaysia dan China untuk melaksanakan projek usahasama.

Projek-projek itu adalah dalam bidang seperti penjanaan tenaga hinggalah kepada pembuatan kenderaan, enjin kereta dan alat ganti, kilang keluli dan pembinaan lebuh raya tol. -- BERNAMA

ZS PR